



## NOTIS SEBUT HARGA

Pembekal adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dalam kod bidang dan kriteria yang berkaitan yang mana tempoh pendaftarannya masih berkuatkuasa sepanjang tempoh pelaksanaan perkhidmatan seperti berikut:

NO. SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	MEMENUHI SYARAT-SYARAT
IIM/SH/12/2024	PERKHIDMATAN MEMBEKAL DAN MEMASANG LANTAI VINYL SERTA MENANGGAL KARPET SEDIA ADA TERMASUK LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI ARAS BAWAH (PERPUSTAKAAN), ARAS 1 (KANAN), ARAS 2 (KANAN), ARAS 3, 7 DAN 8 DI INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA	<ul style="list-style-type: none"><li>➤ <b>Kod Bidang:</b> 020103: Permaidani/Ambar</li><li>➤ <b>Lokality:</b><ul style="list-style-type: none"><li>1. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur</li><li>2. Selangor</li><li>3. Wilayah Persekutuan Putrajaya</li></ul></li></ul>

### TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK

**Tarikh: 13 November 2024 (Rabu)**

**Masa: 10.00 pagi**

**Tempat: Dewan Murni, IIM**

**Pengesahan kehadiran:**

<https://forms.gle/yuBghRbXY74snchWA>

**HANYA PEMBEKAL YANG MENGESAHKAN KEHADIRAN DAN MENGHADIRI TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK DIBENARKAN MENYERTAI SEBUT HARGA INI.**

1. Pembekal **DIKEHENDAKI** hadir 30 minit lebih awal sebelum sesi taklimat berlangsung bagi tujuan pendaftaran. Pembekal **TIDAK DIBENARKAN** turut serta pada sesi taklimat dan lawatan tapak selepas waktu yang ditetapkan.
2. **PENAMA** syarikat dikehendaki membawa **SIJIL ASAL** (untuk pengesahan) dan **SALINAN FOTOSTAT** (tidak dikembalikan) semasa menghadiri taklimat. **WAKIL ADALAH TIDAK DIBENARKAN DAN HANYA PENAMA** syarikat di dalam sijil dibenarkan untuk menyertai taklimat dan lawatan tapak

3. Dokumen sebut harga disediakan secara **PERCUMA** dan diserahkan kepada pembekal secara e-mel melalui e-mel rasmi syarikat yang didaftar semasa sesi taklimat dan lawatan tapak pada **13 November 2024 (Rabu)**.
4. Dokumen Sebut Harga yang lengkap diisi **WAJIB** dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat berikut:

**Institut Integriti Malaysia  
Menara Integriti  
Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin  
Off Jalan Tuanku Abdul Halim  
50480 KUALA LUMPUR.  
(u.p: Bahagian Pentadbiran)**

5. Dokumen Sebut Harga hendaklah sampai tidak lewat dari jam **12.00** tengah hari pada **20 November 2024 (Rabu)**. Tawaran yang lewat dari masa yang ditetapkan **TIDAK AKAN DILAYAN**. Institut Integriti Malaysia tidak bertanggungjawab atas sebarang kelewatan/kehilangan penghantaran Dokumen Sebut Harga melalui pos berdaftar/kurier.
6. Institut Integriti Malaysia tidak terikat untuk menerima Cadangan Tawaran terendah atau mana-mana Cadangan Tawaran. IIM berhak untuk menerima, menolak atau membatalkan keseluruhan atau sebahagian daripada Cadangan Tawaran yang mana diputuskan munasabah.
7. Sebarang pertanyaan berkenaan sebut harga sila e-mel kepada [perolehan@iim.gov.my](mailto:perolehan@iim.gov.my) atau hubungi **Encik Fatah: 018-388 4642** dan **Puan Nazsalwani: 012-933 9787**.

Sekian, terima kasih

**"MALAYSIA MADANI"  
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"  
"KOMITED MEMBUDAYAKAN INTEGRITI"  
"INTEGRITI. KERJA BERPASUKAN. PROFESIONAL"**

Saya yang menjalankan amanah,



**HARISHAM BIN IBRAHIM**  
Pengarah  
Bahagian Pentadbiran  
Institut Integriti Malaysia

